

PEMIKIRAN EPISTEMOLOGI ILMU `ABD ALLĀH IBN AL-MUQAFFA' DALAM PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG: PENGARUHNYA DI MALAYSIA¹

Jasni Sulong

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

Emel: jasni@usm.edu.my

Khulasah

ˋAbd Allāh ibn al-Muqaffa' merupakan seorang pencatat atau setiausaha kerajaan yang telah berkhidmat pada dua zaman pemerintahan, iaitu semasa kerajaan Umayyah dan ˋAbbasiyyah. Kehidupan ˋAbd Allāh ibn al-Muqaffa' yang merupakan anak kepada pegawai kerajaan juga telah mendedahkan beliau kepada susur-galur pentadbiran dan keilmuan sehingga dapat menguasai beberapa ilmu seperti bahasa Arab, logik, sastera dan pentadbiran. Di samping itu, pendedahan beliau kepada kemajuan tamadun semasa pada waktu itu seperti tamadun Yunani, Parsi dan Hindi telah mendedahkan beliau dengan pemikiran yang kritis dalam soal ilmu-ilmu pentadbiran dan pengurusan. Ini ditambah lagi dengan kehebatan ˋAbd Allāh ibn al-Muqaffa' dalam penulisan, sastera dan penterjemahan. Justeru, penulisan ini akan membincangkan mengenai epistemologi ilmu ˋAbd Allāh ibn al-Muqaffa' sehingga melahirkan satu idea untuk menambah baik aspek pentadbiran undang-undang, melalui penulisannya yang berjudul *Risālah al-Šahābāt*. Buku ini mengandungi pemikiran beliau mengenai bidang ketenteraan, undang-undang dan

¹ Kajian ini adalah sebahagian daripada peruntukan Geran FRGS, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang diperuntukkan kepada penyelidik bagi kajian antara tahun 2014-2016.

pentadbiran kerajaan yang berteraskan epistemologi ilmu pada waktu tersebut. Antara yang digariskannya ialah walaupun secara zahirnya perbezaan pandangan dalam kalangan ahli ilmu adalah sesuatu yang norma, namun bagi tujuan pentadbiran dan keseragaman maka ia perlu kepada pendominasian pandangan, iaitu hanya satu pandangan sahaja yang akan dipakai berdasarkan persetujuan pemerintah yang mempunyai kuasa autokratik. Tujuannya hanya satu iaitu memastikan keputusan hukum dan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan dalam negara secara seragam dan konsisten, bagi mencapai maslahat kepada masyarakat Islam semua. Pemikiran keseragaman pandangan ini menjadi halatuju di Malaysia dalam melaksanakan perundangan Islam pada masa kini.

Kata kunci: pemikiran Islam, epistemologi ilmu, `Abd Allah ibn al-Muqaffa', undang-undang, penyeragaman.

Abstract

`Abd Allah ibn al-Muqaffa' was a registrar or the secretary of state who has served on two reigns, during the Umayyad and Abbasid. The background of `Abd Allah ibn al-Muqaffa' who was the son of a government officer has also exposed him to the traceability of administrative and knowledge that brought him to master other knowledge such as Arabic language, logic, arts and management. In addition, his exposure to the progress of civilization prevailing at the time as Greek civilization, Persian and Hindi has revealed him with critical thinking in terms of administrative sciences and management. This coupled with the grandeur of `Abd Allah ibn al-Muqaffa' in writing, arts and translation. Therefore, this article will discuss the epistemology of science of `Abd Allah ibn al-Muqaffa' that initiated to the idea to improve the administration of law through his work titled *Risālah al-Ṣaḥābāt*. This book contains his thoughts about military, law and government that

are based upon the epistemology of science at that time. Among those outlined is that even in the differences of opinion among scholars is something the norm, but for the purposes of administration and uniformity, it needs to the domination of view, that is only one view will be enforced and applied based on the approval by the ruler who has an autocratic power. Its only goal is to ensure that legal decisions and law enforcement carried out in the country in a uniform and consistent in order to achieve all the benefits to the Muslim community. This idea of uniformity of thought becomes a vision for Malaysia in implementing Islamic law in the present.

Keywords: Islamic thoughts, epistemology of knowledge, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa', law, uniformity.

Pendahuluan

Zaman `Abbasiyyah merupakan zaman percampuran antara orang Arab dan bukan Arab dalam dunia Islam. Percampuran ini bukan berlaku daripada aspek etnik sahaja, malah dalam bentuk ilmu, tamadun dan pemikiran. Pada waktu ini, ilmu-ilmu Islam dipadam dengan ilmu-ilmu luar khususnya berkaitan dengan falsafah, pemikiran, bahasa dan sosial sehingga perbincangan tentang pembudayaan ilmu menjadi luas dan merentas agama.² Kesannya, epistemologi ilmu-ilmu Islam turut mendapat suntikan perbincangan berikutkan percampuran ini, mengenai kedudukan teori asal ilmu-ilmu Islam dan halatujunya terutama dalam aspek asas perundangan dan politik semasa.

Di antara tokoh hebat yang muncul pada zaman tersebut adalah `Abd Allāh ibn al-Muqaffa', salah seorang penulis, pemikir dan pegawai dalam pemerintahan kerajaan Bani `Abbasiyyah. Beliau mempunyai pemikiran

² Said Amir Arjomand, "Abd Allah ibn al-Muqaffa' and the `Abbasid Revolution", *Iranian Studies*, 27 (1994), 1-4.

yang tertentu dalam aspek pentadbiran perundangan Islam dengan berpandukan asas-asas ilmu yang diraihnya pada era kemunculan cendekiawan yang ramai pada zaman-zaman pemerintahan kerajaan Islam. Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai pemikiran epistemologi ilmu `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' dalam kerajaan Islam pada waktu itu. Tumpuan difokuskan kepada asas dan sumber ilmu Islam yang dijadikan rujukan sehingga memberi kebaikan kepada ramai pihak melalui pandangannya supaya sesebuah negara menggubal undang-undang yang seragam bagi tujuan penguatkuasaan dan mewujudkan pentadbiran yang konsisten lagi berwibawa.

Epistemologi Ilmu Islam dan Perkembangan Fekah

Sumber utama ilmu Islam ialah al-Quran dan hadis. Kedua-dua sumber ini menjadi rujukan utama dalam segenap perkara sama ada akidah, ibadah ataupun muamalah. Sumber nas syarak ini mempunyai maklumat yang mengajar manusia supaya berfikir dan meneliti setiap kejadian alam untuk pertambahan ilmu.³ Justeru berasaskan nas-nas ini, manusia dapat melaksana dan mengamalkan hal ehwal akidah, ibadat, muamalah dan akhlak dengan sempurna.

Pemahaman sebagai ilmu daripada nas-nas ini dapat kita telusuri menerusi pelbagai catatan sejarah sejak zaman sahabat sehingga tabiin lagi. Para sahabat akan merujuk segala tindak-tanduk mereka kepada al-Quran dan hadis, begitulah juga perkembangan kemudiannya pada zaman tabiin dan tabi` tabiin selepasnya. Sehinggalah perbincangan mengenai ilmu-ilmu Islam berlaku dengan lebih pesat pada sekitar abad ke-8 Masihi.⁴

³ Shahibuddin Laming, *Pemikiran Al-Kindi Pengaruh terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 82.

⁴ Joseph Schacht, *An Introduction of Islamic Law* (Oxford: Clarendon Press, 1964), 28-29.

Secara lebih khusus, pemahaman manusia ke atas ilmu-ilmu muamalah atau ibadah ke atas *istidlāl* nas-nas syarak disebut 'fiqh' atau 'hukum fekah'. Pada zaman Imām Abū Ḥanīfah (80-120H) misalnya, rujukan kepada sumber dan metodologi hukum berlaku pada setiap masa. Para sarjana Islam membincangkan dalil-dalil syarak sama ada daripada al-Quran ataupun hadis untuk dijadikan rujukan hukum. Dalil-dalil ini dibincang daripada pelbagai sudut pemahaman dan interpretasi sehingga melahirkan pandangan, ilmu, hujah dan keputusan ke atas sesuatu persoalan. Dalam meraih ilmu ini, sumber rujukan turut dipengaruhi oleh elemen rasional dan logik. Wacana ilmu ini telah mendorong kepada penyusunan sumber-sumber ilmu sehingga berlakunya ayat-ayat al-Quran dikelompok menurut pelbagai tajuk fekah.

Di samping itu, perbincangan tentang sesuatu persoalan ilmu juga disandarkan kepada hadis-hadis yang berautoriti. Hasilnya, lahirlah beberapa penulisan fekah semasa pada waktu dahulu seperti *Musnad Imām `Azam Abū Ḥanīfah* dan *Muwaṭṭā'* *Imām Muḥammad*. Ini menjadikan penulisan tersebut sebagai kitab terawal yang mencatatkan hukum fekah dalam bentuk yang sistematik, iaitu berdasar kepada tajuk dan persoalan semasa.⁵

Pada zaman yang hampir sama, Imām Mālik (93-179H) dan para tabiin yang berada di Hijaz turut membahas mengenai epistemologi sesuatu hukum yang bersumberkan dalil syarak. Keputusan hukum fekah pada waktu itu adalah merujuk kepada sumber-sumber hadis dan telah dicatat dalam sebuah kitab yang dinamakan *al-Muwaṭṭā'*. Sebelum catatan dilakukan, hadis yang dikemukakan telah dikritik dan dihujah kewibawaannya sebagai sumber sandaran hukum, bagi memperkuatkan kewibawaan hukum tersebut.

Daripada sudut ini, golongan Hijaz tidak menerima elemen rasional kerana beranggapan hukum syarak suci

⁵ *Ibid.*, 55.

daripada pengaruh akal manusia. Kitab *al-Muwatṭā'* ini telah menjadi antara rujukan hukum syarak pada waktu tersebut di Mekah dan Madinah.⁶ Pengisian tentang epistemologi hukum Islam dalam *Al-Muwatṭā'* menyebabkan ia pernah dicadang oleh `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' (106-142H) supaya dijadikan rujukan negara pada zaman pemerintahan kerajaan `Abbasiyyah.⁷

Perkembangan metodologi rujukan hukum syarak kemudiannya dikembangkan lagi oleh Imām Muḥammad ibn Idrīs al-Syāfi`ī (150-204H). Beliau yang terkenal dengan gelaran Imam Syafii telah menulis kitab *al-Risālah* yang berkisar mengenai metodologi pengeluaran hukum fekah berasaskan dalil-dalil syarak. Kitab ini dinamakan sebagai '*al-Risālah*' adalah berasaskan isi kandungannya yang berasal daripada perutusan surat-menjurat antara Imam Syafii dengan `Abd al-Rahmān bin Mahdī (198H) di Mekah.⁸ `Abd al-Rahmān telah meminta Imam Syafii untuk menulis suatu kaedah ilmu tentang tatacara rujukan kepada al-Qur'an, hadis dan pemakaian dalil-dalil di dalamnya yang bersifat *qat'i*, *zanni*, *nāsikh* atau *mansūkh*.

Penulisan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara yang seragam dalam rujukan hukum syarak. Imam Syafii telah menyelaras epistemologi rujukan ilmu yang tersusun tentang metodologi pengeluaran hukum syarak dalam kalangan mujtahid. Hasilnya, hukum atau keputusan ilmu yang bakal dicapai akan seragam dan konsisten. Kitab ini ditulis ketika Imam Syafii berada di Baghdad dan kemudian ditambah baik ketika beliau berpindah ke Mesir pada tahun 252H/814 M.

⁶ Joseph Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* (Oxford: The Clarendon Press, 1950), 117.

⁷ *Ibid.*, 95.

⁸ *Ibid.*, 61.

Riwayat Hidup `Abd Allāh ibn al-Muqaffa'

Nama penuh `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' ialah Abū Muḥammad `Abd Allāh Ruzbih ibn Dādawiyah (روزبه دادیه). Berasal dari Parsi dan beragama Majusi sebelum memeluk Islam dengan menggunakan nama `Abd Allāh. Beliau juga digelar dengan panggilan Abū Muḥammad mengambil sempena nama anak beliau. Bapa beliau merupakan salah seorang pegawai kerajaan sejak zaman Umayyah lagi yang bekerja di Jabatan Percukaian. Bagaimanapun, bapa beliau telah dituduh dan disabit menyalahgunakan wang cukai yang telah diamanahkan kepadanya sehingga menyebabkan beliau telah dihukum potong tangan oleh al-Hujjāj bin Yūsuf (75-95H). Oleh kerana hukum potong tangan ke atas bapa beliau tersebut, nama Muqaffa' (tangan yang telah dipotong) telah dinisbahkan kepada nama beliau dan masyhurlah beliau dengan nama `Abd Allāh ibn al-Muqaffa'.⁹

Tarikh lahir `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ahli sejarawan menyatakan beliau lahir sekitar tahun 106 Hijrah (724M) iaitu di bandar Firuzabad, Parsi dalam wilayah Iran. Pada asalnya beliau beragama Majusi dan hanya memeluk Islam ketika telah dewasa (usia 25 tahun) iaitu semasa menjadi pencatat kepada Gabenor Kirman, ʻIsā bin ʻAlī sekitar tahun 132H. `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' (106-142H) telah hidup pada era perkembangan kedua-dua mazhab fekah yang awal iaitu mazhab Imām Abū Ḥanīfah (80-120H) yang berkembang di Kufah dan mazhab Imām Maṭlīk bin Anas (93-179H) yang berkembang di Hijaz. `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' juga hidup pada dua zaman pemerintahan iaitu Dinasti Umawiyah (661-750M) dan Dinasti

⁹ Mustafa Demirci, "An Eye Witness Account of Transition from Umayyads to Abbasids: Abdulllah ibn al-Mukka and His Risaletus' Sahabe," D.E.U. İlahiyat Fakultesi Dergisi XXI (2005), 118; Arjomand, "Abdullah ibn al-Muqaffa` and the Abbasid Revolution," 9-36.

`Abbasiyyah (132-656H/750-1258M). Beliau hidup selama 36 tahun iaitu selama 25 tahun di bawah pemerintahan Umayyah dan 11 tahun di bawah pemerintahan `Abbasiyyah.¹⁰ Bagaimanapun secara keseluruhannya, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' banyak mendiami wilayah Kufah dan Basrah yang lebih didominasi oleh golongan yang berpemikiran rasional (*ahl ra'yī*) iaitu mazhab Hanafi.

Beliau meninggal dunia ketika masih muda iaitu sekitar usia 35 atau 36 tahun pada tahun 142H (759M) di Basrah, Baghdad akibat hukuman mati yang dijatuhankan oleh Khalifah Abū Ja`far al-Manṣūr, khalifah kedua kerajaan `Abbasiyyah. `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' didakwa telah murtad dan sesat (*heresy*) apabila cuba memasukkan idea Majusi (Zoroastrian) ke dalam agama Islam. Beliau juga didakwa menyokong pemberontakan `Abd Allāh bin `Āli¹¹ untuk menggulingkan Abū Ja`far al-Manṣūr. Hukuman bunuh telah dilaksanakan oleh Sufyān bin Mu`awiyah al-Muhallabi (139-144H), yang menjadi Gabenor Basrah pada waktu itu.¹²

Latar Belakang Pendidikan `Abd Allāh ibn al-Muqaffa'

`Abd Allāh ibn al-Muqaffa' diberi pendidikan yang mencukupi oleh ayahnya supaya dapat menjadi seorang pegawai kerajaan yang hebat pada masa depan. Justeru, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' telah dihantar mempelajari bahasa Arab yang menjadi bahasa utama pada waktu itu, di samping mempelajari falsafah, logik, akhlak, politik, sastera dan budaya. Berasaskan latar belakang pendidikan ini, `Abd Allah ibn al-Muqaffa' bukanlah seorang yang

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Iaitu bapa saudara Khalifah Abu Ja`far al-Mansur.

¹² Mustafa Demirci, *An Eye Witness*, 120; F. Gabrieli, "Ibn al-Mukaffa", *Encyclopaedia of Islam* 3 (2004): 883-85

mahir tentang ilmu-ilmu Islam secara khusus, tetapi kepada ilmu-ilmu gunaan lain pada waktu itu.

Beliau telah dihantar belajar di Basrah untuk mempelajari semua ilmu-ilmu semasa dan tradisi pada waktu itu.¹³ Sekalipun `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' adalah seorang Parsi, beliau menguasai bahasa Arab dan ilmu-ilmu bahasa dan agama seperti sastera, syair, hadis, fekah dan teknik pengucapan daripada pergaulannya dengan masyarakat setelah perpindahannya ke Basrah. Banyak kata-kata dan pemikiran beliau diterima pakai (*quote*) oleh masyarakat sehingga ke hari ini, sama ada dalam persoalan adab, falsafah dan pentadbiran. Misalnya beliau menulis tentang kepentingan ijтиhad:¹⁴

ال توفيق والإجتهداد زوج . فالإجتهداد سبب التوفيق
وبالتوفيق ينجح الإجتهداد .

Terjemahan: Taufik dan ijтиhad itu adalah berpasangan. Ijтиhad adalah sebab kepada taufik, dan dengan taufik adalah kejayaan sesuatu ijтиhad.

Berasaskan kata-kata ini, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' berpandangan bahawa sandaran sesuatu pandangan yang baik dan benar itu adalah berdasarkan anugerah daripada Allah SWT. Bagaimanapun ia tidak akan diperolehi melalui usaha dan ilmu apabila berijтиhad. Sementara dalam soal agama dan pemikiran, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' membezakan kedudukan antara keduanya dalam aspek kepercayaan. Penjelasannya adalah sebagaimana berikut:¹⁵

¹³ Mustafa Demirci, *An Eye Witness*, 119; S. A. Arjomand, Abdulllah ibn Muqaffa', 12-15.

¹⁴ Ibn al-Muqaffa', "Al-Adāb al-Kabīr," dalam *Rasā'il al-Bulaghā'*, ed. Muhammad Kurd `Alī (Cairo: Dār al-Kutub al-`Arabiyya al-Kubrā, 1913), 55.

¹⁵ Ibn al-Muqaffa', "Al-Adāb al-Kabīr," 58.

الدين تسليم بالإيمان والرأي تسليم بالإختلاف. فمن
جعل الدين رأياً فقد جعله خلافاً ومن جعل الرأي ديناً
فقد جعله شريعة

Terjemahan: Agama itu penerimaannya dengan kepercayaan dengan hati (iman), dan pemikiran itu penerimaannya dengan pelbagai pandangan atau fikiran. Maka sesiapa yang menjadikan agama sebagai pemikiran, maka ia menjadikannya sebagai perbezaan pandangan, dan sesiapa yang menjadikan pemikiran sebagai agama, maka ia menjadikannya sebagai satu perundangan (syariat).

Justeru, agama hendaklah ditinggikan kedudukannya dalam diri seseorang supaya aspek pemikiran dan rasional akan dikawal oleh syariat atau ketentuan agama. Ini akan mengelak seseorang daripada dipengaruhi oleh akal atau kemahuan sendiri semata-mata semasa membincangkan sesuatu ilmu.

Berasaskan latar belakang pendidikan ini, 'Abd Allāh ibn al-Muqaffa' menjadi seorang penulis, penterjemah dan pemikir. Antara terjemahan beliau ialah kitab *Kalīlah wa Dimnah* (كليلة ودمنة) yang diterjemah daripada sastera Arab Parsi Pertengahan.¹⁶ Beliau juga menulis kitab *al-Adāb al-Kabīr*, *al-Adāb al-Ṣaghīr* dan *Risālah fī al-Ṣahābah*. Kitab *al-Adāb al-Kabīr* adalah mengenai kedudukan pemerintah dan hubungannya dengan rakyat, manakala *al-Adāb al-Ṣaghīr* pula adalah tentang akhlak dan pendidikan jiwa ke arah amalan yang baik. Manakala kitab *Risālah fī al-Ṣahābah* adalah berkisar mengenai ketenteraan, kehakiman dan percuaian. Kesemuanya berpaksikan

¹⁶ Ernst J. Grube, *A Mirror for Princes from India: Illustrated Versions of the Kalilah wa Dimnah*, ed. Anvar-i Suhayli, Iyar-i Danish dan Humayun Nameh (Bombay: Marg Publications, 1991), 30-40.

pengurusan dan pentadbiran sama ada organisasi atau diri seseorang.

Secara lebih khusus, kandungan kitab *Risālah fī al-Sahābah* ini adalah bertujuan menasihati pemerintah kedua `Abbasiyah iaitu Khalifah Abū Ja`far al-Manṣūr dalam pemerintahan. Kitab nipis ini hanya mempunyai kira-kira 5000 patah perkataan namun, intipati penting kitab ini menyarankan mengenai keseragaman pandangan ilmu dalam sesebuah negara. Pada masa yang sama beliau menyarankan agar pemakaian sesuatu pandangan ilmu itu tidak terletak pada ijtihad seseorang kadi atau hakim berdasarkan epistemologi mazhab semata-mata, tetapi berdasarkan juga kepada pertimbangan maslahat umum. Ini bagi mengelakkan pertukaran kadi atau hakim serta mengelakkan perbezaan mazhab yang akan memberi kesan kepada perbezaan keputusan dalam pentadbiran sesebuah negara.¹⁷ Ia tentu sekali boleh membawa kacau bilau dari segi keputusan pentadbiran dan menyusahkan rakyat.

‘Abd Allāh ibn al-Muqaffa’ pernah menjadi juru tulis kepada bapanya. Beliau juga pernah bekerja sebagai pencatat di dua *dīwān* (jabatan) di bawah Gabenor Yazid bin ‘Umar bin Habirah di Kirman dan Gabenor Dāwūd bin ‘Umar bin Habirah di Basrah sewaktu Dinasti Umawiyah antara tahun 127-130H. Beliau kemudiannya menjadi pencatat di *dīwān* khalifah di bawah Gabenor `Isā bin `Alī, iaitu bapa saudara kepada Khalifah Abū Ja`far al-Manṣūr di bawah Dinasti `Abbasiyah antara tahun 132-139H.¹⁸ Sebagai anak kepada pegawai kerajaan dan juga pengalamannya yang berkhidmat sebagai Setiausaha kepada kerajaan `Abbasiyah, ‘Abd Allāh ibn al-Muqaffa’ banyak menyumbangkan idea untuk kekuatan sebuah

¹⁷ Mustafa Demirci, *An Eye Witness*, 124; S. A. Arjomand, *Abdullah ibn Muqaffa'*, 17.

¹⁸ Mustafa Demirci, *An Eye Witness*, 118; S. A. Arjomand, *Abdullah ibn Muqaffa'*, 9-12.

Kerajaan Pusat. Di samping itu, hasil pemikiran ilmu beliau, terdapat beberapa pandangan beliau diketengahkan dalam cadangan reformasi pentadbiran undang-undang dalam negara ke arah pelaksanaan sistem cukai yang lebih efektif.

Pemikiran Epistemologi Ilmu `Abd Allāh ibn al-Muqaffa'

Pemikiran ilmu `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' mengenai aspek pengurusan pentadbiran banyak terkandung dalam kitab *Risālah fī al-Šahābah*.¹⁹ Pengalaman beliau berada pada zaman kemajuan tamadun ilmu dan kenegaraan seperti Rom, Yunani, Hindi dan Parsi, dan kemudiannya terlibat dengan Kerajaan Islam Umayyah dan `Abbasiyyah telah membina pemikiran yang lebih global dalam penggabungan ilmu-ilmu luar. Setiap ilmu bersifat neutral dan selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip umum Islam maka ilmu tersebut adalah harus dikuasai. Begitu juga dalam aspek ilmu ketamadunan dan kenegaraan, selagi ia tidak menjelaskan nilai-nilai Islam maka ilmu luar tersebut boleh diikuti dan diaplikasikan.

Oleh kerana pertimbangan pemikiran ilmu beliau banyak dibina berdasarkan ambilan dan campuran ilmu luaran ini, beliau telah digelar sebagai 'pemikir sekular pertama' oleh sesetengah pengkaji seperti Machiavelli.²⁰ Ini kerana `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' menggabungkan budaya asing seperti Parsi ke dalam corak pemerintahan kerajaan `Abbasiyyah demi maslahat pentadbiran. Dalam hal ini, pemikiran epistemologi ilmu beliau adalah dengan melakukan sintesis kepada amalan pentadbiran atau

¹⁹ Ibn al-Muqaffa', "Risāla fī al-Sahāba," dalam *Rasā'il al-Bulaghā'*, 120–31. Lihat juga Ibn al-Muqaffa', *Ahd Ardashīr*, ed. İhsān `Abbās (Beirut: Dār Ṣāder, 1967), 35; Ibn al-Muqaffa', *Al-Adāb al-Kabīr*, 55–114.

²⁰ Niccolò Machiavelli, *The Prince*, terj. W. K. Marriott (Blacksburg, VA: Virginia Tech, 2001), 30; Lihat juga Mustafa Demirci, *An Eye Witness*, 128.

budaya luar yang baik untuk diserap dalam pengurusan negara pada ketika itu.

Di samping memasukkan nasihat dan pandangan beliau kepada khalifah kerajaan `Abbasiyyah pada waktu itu, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' juga memasukkan cabaran dalam menghadapi pemerintahan. Beliau mempunyai pemikiran bahawa sesuatu pentadbiran yang baik harus bersedia dengan pelan pentadbiran dan perancangan yang sempurna. Walaupun demikian, motivasi dan penghargaan didahulukan dalam rangka kandungan awal kitab ini iaitu dengan memasukkan unsur pujian kepada khalifah sebagai seorang yang bijaksana dalam merangka dasar-dasar pemerintahan.²¹

Idea-idea beliau dalam menasihati pemerintah ini banyak diasaskan pada tulisan Khwaday-Namag berkenaan Peristiwa Raja-Raja Parsi (*Chronicles of Persian Kings*) dan juga pengalaman beliau yang terlibat dalam pentadbiran negara. Pemikiran ini juga berasaskan untuk memelihara pemerintah daripada dosa dan maksiat yang mungkin berlaku dalam pemerintahan. Justeru, kaedah pemerintahan yang adil, saksama dan mengelak penyelewengan telah ditulis dan disusun bagi mencapai hasrat untuk menjaga nilai Islam yang perlu dijunjung ini.²²

Daripada segi bentuk ilmu perundangan Islam, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' membahagikan ilmu ini kepada dua

²¹ Joseph E. Lowry, "The First Islamic Legal Theory: Ibn al-Muqaffa' on Interpretation, Authority and the Structure of the Law," *The Journal of the American Oriental Society* 1 (2008): 3.

²² Linda T. Darling, "Mirrors for Princes in Europe and the Middle East: A Case of Historiographical Incommensurability," (makalah, Conferences Well-Connected Domains: Intersections of Asia and Europe in the Ottoman Empire, Heidelberg University, Heidelberg, Germany, 10–12 Nov. 2011); juga dalam "East Meets West: In the Middle Ages and Early Modern Time," (makalah, Seminar 10th International Symposium on Medieval and Early Modern Studies, University of Arizona. May 3–6, 2012), 229.

iaitu fakta yang telah sempurna (*settled and unproblematic*) dan fakta yang memerlukan interpretasi dan kefahaman. Bagi fakta yang telah sempurna, pemikiran atau pandangan mengenai sesuatu hukum tiada masalah lagi dalam pentadbiran negara kerana mendapat persefikatan antara ulama. Namun bagi fakta yang belum sempurna, yang mempunyai konflik atau pertentangan pendapat kerana para ulama berbeza pandangan mengenai sesuatu hukum maka persoalan ini perlu ditangani dengan bijaksana. Dalam hal ini, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' berpandangan pemerintah atau khalifah mempunyai autoriti bagi melakukan interpretasi ke atas nas dan pandangan-pandangan tersebut serta memilih pandangan yang paling sesuai untuk dikuatkuasakan.²³ Ini kerana undang-undang adalah berkaitan dengan kuasa dan pelaksanaannya adalah dengan menguatkuasakan mengikut budi bicara khalifah setelah mendapat nasihat daripada pegawai kerajaan.

Dalam sudut pandang ini, khalifah adalah bebas tanpa terikat dengan pandangan atau pemikiran tertentu. Namun kebebasan tersebut masih ada batasnya iaitu selagi mana ia bukan melibatkan maksiat dan mestilah dalam konteks untuk menegakkan kebijakan umum (*maṣlaḥat al-`āmmah*). `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' berhujah dengan hadis Rasulullah s.a.w yang menegah manusia daripada melakukan ketaatan kepada sesama manusia dalam perkara maksiat pada Allah SWT لا طاعة لخالق في معصية (الخالق).²⁴ Hadis yang disandar ini adalah bertaraf hadis sahib daripada riwayat Imam Aḥmad dalam kitab *al-Musnad*.²⁵

²³ Lowry, "The First Islamic Legal Theory," 1.

²⁴ Muḥammad ibn `Abd al-Rahmān ibn `Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwāzī Sharḥ Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Jihād `an Rasūl Allāh, hadis no. 1707 (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, t.t); Lowry, "The First Islamic Legal Theory," 3.

²⁵ Musnad Aḥmad, 5: 66.

Imam al-Bukhārī dan Muslim juga turut meriwayatkan hadis yang mempunyai maksud yang sama iaitu:²⁶

لَا طَاعَةٌ لِّبَشَرٍ فِي مُعْصِيَةِ اللَّهِ، إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Jangan kamu mentaati manusia pada perkara maksiat kepada Allah, sesungguhnya taatlah (pada manusia) dalam perkara kebaikan.

Berasaskan hujahan ini, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' memberikan autoriti kepada khalifah dalam menguatkuasa sebarang pandangan fekah sebagai undang-undang dalam negara, dengan syarat ia adalah dalam perkara yang diiktiraf syarak sebagai baik.

Autoriti yang dinyatakan oleh `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' ini juga berlaku dalam aspek bidangkuasa pemerintah untuk meneruskan *maṣlaḥat*.²⁷ Ini kerana khalifah adalah pelaksana kepada hukum Islam dan memikul amanah untuk menegakkan syiar Islam tersebut. Pandangan ini selari dengan kaedah fekah.²⁸

تَصْرِيفُ الْإِمَامِ عَلَى الرُّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ

Terjemahan: Pengurusan pemimpin ke atas rakyat adalah berdasarkan kebijakan umum.

Bagi merealisasikan tugas-tugas ini, khalifah mempunyai penasihat, pembantu serta ahli agama yang dapat membantu melaksanakan tugas-tugas terbabit. Justeru, khalifah akan dapat memastikan hukum Islam dapat diterjemah dalam konteks yang sesuai dengan *maṣlaḥat* dan memilih pandangan yang terbaik (*rājiḥ*). Jelasnya, pemikiran epistemologi ilmu `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' bukan sahaja berdasarkan nas malah kepada

²⁶ *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Maghāzī, no. 4340; *Sahīḥ Muslim*, Kitāb al-Imārah, no. 1840.

²⁷ Lowry, "The First Islamic Legal Theory," 3.

²⁸ Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa al-Naẓā'ir* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 158.

maslahat dan *siyāsah shar`iyyah*.²⁹ Elemen *siyāsah shar`iyyah* dengan menggunakan kuasa autokratik pemerintah ini termasuklah dalam melaksanakan pandangan yang bersifat rasional khususnya apabila ketiadaan amalan lalu yang boleh dirujuk (الحکم بالرأي فإن لم) (فیه آن).³⁰ Pandangan ini selaras dengan maksud ilmu Usul Fekah yang mengharuskan amalan ijтиhad ketika ketiadaan nas.

Jelasnya, epistemologi ilmu `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' turut menerima unsur rasional dalam ijтиhad apabila ia berkaitan dengan *maslahat* kepada tambah-baik pentadbiran. Tumpuananya ialah ke arah memperkemaskan pentadbiran undang-undang dalam negara akibat banyak berlaku perselisihan pandangan dan pertikaian hukum antara satu mazhab dengan mazhab yang lain. Terdapat tiga bentuk permasalahan antara mazhab yang boleh didapati berlaku dalam persoalan ini:³¹

- i. Satu golongan mazhab memperkecilkan pandangan mazhab yang lain berkenaan sesuatu isu, meskipun isu tersebut juga tidak mampu diselesaikan dengan baik dalam mazhab terbabit.
- ii. Rujukan yang dikatakan berdasarkan amalan sunnah oleh sesebuah golongan, didapati tidak mempunyai autoriti yang kukuh tetapi dirujuk daripada sumber yang tidak kukuh dan mengelirukan.
- iii. Setiap anggota mazhab berhujah berdasarkan rasional masing-masing tanpa mengambil kira faktor *maslahat* dan kehendak umum sehingga menjadikan pandangan tersebut ekstrem (melampau).

²⁹ Schacht, *The Origins of Muhammadan*, 137.

³⁰ `Abd Allāh ibn al-Muqaffa', *al-Risālah fi al-Šahābah*, Seksyen 14/17. Lihat Lowry, "The First Islamic Legal Theory," 5.

³¹ Lowry, "The First Islamic Legal Theory," 9.

Oleh sebab itu, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' berpandangan pihak pemerintah perlu bertindak berdasarkan kuasa dan wibawa undang-undang yang dimiliki. Kerajaan berbidangkuasa untuk menggariskan undang-undang yang sewajarnya dalam sesebuah negara, memilih ajaran atau mazhab yang diterima dalam kerajaan demi mencapai *maṣlahat* pentadbiran undang-undang. Secara tidak langsung, khalifah berkuasa memilih untuk melaksanakan undang-undang agama dalam bentuk kod bertulis (*concise religious code*) terutama dalam negara yang mempunyai pelbagai teori dan praktis daripada perbezaan mazhab dan ideologi, sehingga boleh menimbulkan ketidakteraman dalam politik negara.³²

Berasaskan teori ini, `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' telah mencadangkan penggubalan hukum Islam ke dalam sebuah kod undang-undang semasa beliau menjadi Setiausaha Negara kepada Khalifah Abū Ja`far al-Manṣūr (101-158H) yang memerintah antara tahun 136-158H. Cadangan ini dibuat pada tahun kedua Khalifah al-Manṣūr memerintah iaitu pada tahun 138H/757M. Tujuannya ialah untuk keseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang Islam yang banyak berpaksi pada pandangan fekah dan pelbagai mazhab.³³ Berdasarkan pandangan ini, khalifah telah meminta persetujuan Imām Mālik untuk menjadikan kitab *al-Muwaṭṭa'* sebagai undang-undang negara dan seterusnya menjadikan pandangan mazhab Maliki sebagai rujukan hukum syarak. Cadangan ini bagaimanapun telah ditolak oleh Imām Mālik kerana bimbang akan

³² Schacht, *The Origins of Muhammadan*, 95; Lowry, "Islamic Legal Theory," 8.

³³ Dikatakan adalah pengaruh *Sassanian administrative tradition*. Lihat J. Schacht, "Foreign Elements in Ancient Islamic Law," dalam *Islamic Law and Legal Theory*, ed. Ian Edge (England: Dartmouth Publishing Company Ltd., 1996), 11; N. J. Coulson, *A History of Islamic Law* (Edinburgh: the University Press, 1964), 52; David Pearl dan Werner Menski, *Muslim Family Law* (London: Sweet & Maxwell Limited, 1998), 8.

menyebabkan konflik dalam ikutan fekah dalam hukum syarak.³⁴

Di samping Imām Mālik, Khalifah al-Manṣūr juga pernah menawarkan jawatan kadi kepada Imām Abū Ḥanīfah tetapi telah ditolak kerana tidak mahu terlibat dengan politik serta tidak mahu berada dalam kerajaan walaupun sebagai kadi atau hakim. Ini kerana dibimbangi pandangannya akan mengikat orang ramai sehingga masyarakat menganggap hanya pandangannya yang tepat. Bagaimanapun, salah seorang pelajar kepada Imām Abū Ḥanīfah, iaitu Abū Yūsuf (113-182H) telah bersetuju dan menerima perlantikan sebagai Ketua Hakim yang pertama dalam kerajaan Bani `Abbasiyyah.³⁵ Kadi Abū Yūsuf telah memegang jawatan ini di bawah pemerintahan tiga orang khalifah iaitu Khalifah al-Mahdī (126-169H) yang memerintah antara tahun 158-169H,³⁶ Khalifah al-Hādī (147-170H) yang memerintah antara tahun 169-170H dan Khalifah Harūn al-Rashīd (145-193H) yang memerintah antara tahun 170-193H.³⁷

Tidak dinafikan pengaruh mazhab berlaku apabila sumber undang-undang dalam sesbuah negara adalah berdasarkan penulisan mazhab tertentu. Begitu juga sekiranya lantikan hakim atau kadi daripada mazhab

³⁴ `Abd al-Razzāq `Alī, *al-Anbarī*, *Mansib Qāḍī al-Quḍāh fi al-Dawlah al-`Abbasiyyah* (Beirut: al-Dār al-`Arabiyyah li-al-Mawsū`ah, 1987), 63-64, 121.

³⁵ Abdullahi A. An-Na'im, *Islamic Family Law in A Changing World: A Global Resource Book* (London-New York: Zed Books Limited, 2002), 7; Esposito, "Law in Islam", dalam *The Islamic Impact*, ed. Y. Haddad *et al.* (New York: The Syracuse University Press, 1984), 72; Herbert J. Liebesny, *The Law of the Near & Middle East – Readings, Cases, & Materials* (Albany: State University of New York Press, 1975), 25; `Abd al-Majid Muhammad al-Hifnawi, *Tārīkh al-Qanūn al-Miṣrī* (Alexandria: Muassasat al-Thaqafat al-Jam'iyyah, 1972-73), 437.

³⁶ Khalifah ketiga `Abbasiyyah.

³⁷ `Abd al-Jabbār Jumad, *Harūn al-Rashīd Dirāsah Tarīkhīyyah Ijtīmā'iyyah* (Beirut: Maktabat al-`Umumiyyat, 1956), 9:353.

tertentu boleh mempengaruhi keputusan hukum yang bakal diputuskan. Misal yang jelas adalah lantikan Abū Yūsuf daripada mazhab Hanafi telah mempengaruhi keputusan hukum Islam dalam negara pada waktu tersebut yang cenderung kepada Ḥanafiyah,³⁸ lebih-lebih lagi apabila ramai daripada kadi yang dilantik adalah bermazhab Hanafi.³⁹ Walau bagaimanapun, kebiasaananya kadi yang dilantik adalah berdasarkan mazhab yang pengaruhnya paling ramai di satu-satu kawasan.⁴⁰ Cuma positifnya, perlantikan kadi daripada satu aliran mazhab dan rujukan daripada sumber mazhab yang sama akan membawa keseragaman hukum dan keselarasan keputusan undang-undang walaupun akan berlakunya implikasi *taqlīd* mazhab.

Pada abad ke-9, konflik pemakaian mazhab dalam pentadbiran undang-undang Islam dapat dilihat semasa pemerintahan kerajaan `Abbasiyyah dalam kes yang dikenali sebagai ‘Rumah Gajah’ (دار الغیل). Kes ini adalah berkenaan perbezaan pandangan antara mazhab Maliki dan mazhab Hanafi berhubung hak harta pusaka waris *dhū*

³⁸ Hasan Ibrahim Hasan, “Judiciary System from the Rise of Islam to 567 A.H. (1171M)”, *The Islamic Quarterly* VII (1963), 27; Abdullah @ Alwi Hj. Hassan, “Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah”, dalam *Dinamisme Pengajaran Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997), 24; Hassan Haji Salleh, *Sejarah Perundungan Islam* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1979), 176, 179; Muhammad Yūsuf Mūsā, *Madkhal li-Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: t.p., 1958), 161; J. Schact, “Modernism and Traditionalism in a History of Islamic Law”, *Middle Eastern Studies* 1 (1965), 398; Count Leon Ostrorog, *The Angora Reform* (London: University of London Press Ltd., 1927), 27.

³⁹ Abi ‘Umar Muhammad bin Yūsuf bin Ya‘qūb al-Kindī, *Kitāb al-Quḍāh al-Lazīna wallaw Qaḍā’ Miṣr*, ed. Richard G. H. Gottheil (London: Luzac & Co., 1908), 147-149 ; ‘Ala’ al-Dīn Kharufah, *Sharḥ Qanūn al-Āḥwāl al-Shakhsiyah* (188) 1959 (Baghdad: Maṭba`at al-‘Anī, 1962), 1: 22.

⁴⁰ Abd al-Jabbār Jumad, *Harūn al-Rashīd*, 353.

arhām.⁴¹ Kadi daripada mazhab Maliki telah menolak hak pusaka waris *dhū arhām* tetapi apabila kes ini dirayu di hadapan kadi yang bermazhab Hanafi, keputusan sebaliknya diputuskan. Ini kerana mazhab Hanafi mengiktiraf waris *dhū arhām* untuk mendapat harta pusaka. Ketidaktentuan pandangan ini menimbulkan ketidakseragaman pelaksanaan hukuman ke atas masyarakat di mana keputusan berbeza apabila hakim yang membicarakan kes daripada mazhab yang berbeza.⁴²

Berasaskan perkembangan sedemikian, dalam era pemerintahan Islam selepasnya pemikiran `Abd Allāh ibn al-Muqaffa' supaya dikuatkuasakan satu pandangan mazhab sahaja mula diikuti sepenuhnya. Misalnya Khadive Muḥammad `Alī Pasha (1769-1849M) yang memerintah kerajaan `Uthmaniyyah Mesir pernah mengeluarkan perintah supaya hanya kadi atau mufti yang bermazhab Hanafi sahaja yang dibenarkan mengeluarkan fatwa atau keputusan hukum dalam kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam.

Penguatkuasaan autoriti autokratik ini bertujuan untuk keseragaman penguatkuasaan hukum syarak dalam negara dan mengelakkan berlakunya ketidaktentuan pengadilan. Oleh kerana itu, mana-mana ulama mazhab lain yang cuba mengeluarkan fatwa adalah dianggap telah melakukan kesalahan dan boleh ditangkap dan dipenjarakan.⁴³ Walaupun perundangan sebegini

⁴¹ al-Kindī, *Kitāb al-Quḍāh*, 147; Coulson, *A History of Islamic Law*, 88.

⁴² al-Kindī, *Kitāb al-Quḍāh*, 147; Coulson, *A History of Islamic Law*, 88.

⁴³ Oussama Arabi, *Studies in Modern Islamic Law and Jurisprudence* (The Hague-London-New York: Kluwer Law International, 2001), 32; Baber Johansen, *Contingency in a Sacred Law: Legal and Ethical Norms in the Muslim Fiqh* (Leiden: Brill, 1999), 451; J. N. D Anderson, "Recent Reforms in The Islamic Law of Inheritance", *The International and Comparative Law Quarterly* 14 (1965), 352; Tahir Mahmood, *Family Law Reform in the Muslim World* (Bombay: N.M. Tripathi PVT. Ltd, 1972), 267; Tahir Mahmood, *Personal Law in Islamic Country* (New Delhi: Academy of Law and Religion, 1987),

membawa kepada dominasi sesebuah mazhab secara tidak wajar, namun ia bertujuan untuk kemaslahatan umat dan negara. Justeru, rujukan undang-undang menjadi selaras dan konsisten dalam mana-mana peringkat mahkamah atau fatwa.

Pemikiran Penyeragaman Undang-undang di Malaysia

Di Malaysia, pemikiran ke arah penyeragaman undang-undang Islam menjadi salah satu agenda Kerajaan Persekutuan ke atas negeri-negeri yang mempunyai kuasa autonomi tersendiri dalam hal ehwal agama Islam. Dalam hal ini, pemikiran 'Abd Allāh ibn al-Muqaffa' bagi keseragaman undang-undang Islam mendapat ikutan yang positif. Sekalipun Tuanku al-Sultan mempunyai kuasa prerogatif dalam perundangan Islam di negeri masing-masing, cadangan penyeragaman disyorkan oleh kerajaan pusat bagi kemaslahatan pentadbiran undang-undang Islam di seluruh negara.⁴⁴

Autoriti pemerintah sebagaimana pemikiran 'Abd Allāh ibn al-Muqaffa' telah dipraktis di mana pandangan *qawl* muktamad daripada mazhab Syafi'i dijadikan rujukan utama pentadbiran hukum syarak.⁴⁵ Keadaan ini berlaku sejak zaman awal Tanah Melayu lagi di mana pandangan mazhab Syafi'i dimasukkan dalam manuskrip Melayu lama dan menjadi sandaran rujukan dalam

10; Norman Anderson, *Law Reform in the Muslim World* (University of London: The Athlone Press, 1976), 17.

⁴⁴ "The qadi is given full freedom to refer to any doctrine of Syafi'i from sources of his choice. This of course has created some problems for lawyers and legal researchers in finding accurate provisions for a certain case." Lihat Azizan Abdul Razak, "Conflict Resolution: Reasonal Laws System, Civil Law System and Muslim School of Law (Madhahib)", dalam *Shariah Administrators' Conference Workshop*, Manila, Philippines: University of the Philippines Press (August 7-11, 1983), 80.

⁴⁵ B. J. Brown, "Justice and the Adat Perpatah: Law or Lore?", dalam *Papers on Malayan History*, ed. K. G. Tregonning (Singapore: Journal South-East Asian History, 1962), 137.

undang-undang negeri.⁴⁶ Malah, pegawai agama tidak boleh memberi keputusan yang berlainan dengan ideologi mazhab pemerintah. Suatu tindakan tata tertib boleh dikenakan oleh pemerintah sekiranya seorang penjawat awam memutuskan pandangan yang berlawanan.⁴⁷

Pengukuhkan pemikiran untuk memastikan penyeragaman pandangan berlaku, sumber-sumber ilmu dikanunkan dalam bentuk undang-undang bertulis. Misalnya, Seksyen 29 (1) Ordinan Pindaan No. 26 (*Mahomedans*) 1926 di Negeri-negeri Selat memperuntukkan bahawa rujukan kehakiman berhubung undang-undang Islam adalah seperti berikut iaitu Kitab *Minhāj al-Tālibīn* karangan Imām al-Nawāwī daripada mazhab Syafi'i, terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris, buku *Mahomedan Law* karangan Syed Ameer Ali dan *A Digest of Mahomedan Law* karangan Neil B. E. Baillie.⁴⁸ Pada tahun 1934, Ordinan Pindaan (No. 35) telah menambah satu lagi rujukan kehakiman iaitu *Anglo-Muhammadan Law* karangan Sir Roland Knyvet Wilson.⁴⁹

Rujukan kepada kadi dan penulisan buku-buku ini adalah juga bergantung kepada mazhab si mati supaya keadilan dan keseragaman keputusan dapat dicapai. Dalam kes *Syed Ibrahim bin Omar al-Sagoff lawan Attorney General (1948)*,⁵⁰ mahkamah menyatakan

⁴⁶ John E. Kempe dan R. O. Winstedt, *A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions* (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1947), 2.

⁴⁷ A. H. Johns, "From Coastal Settlement to Islamic School and City: Islamization in Sumatras, The Malay Peninsula and Java", *Hamdard Islamicus IV* (1981), 24.

⁴⁸ Seksyen 2, Ordinance No. 26 (*Mahomedans*) Amendment Ordinance, 1923. CO 274/17 - Straits Settlements, Act 1923; Moshe Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation* (Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, 1979), 138.

⁴⁹ Seksyen 5. Roland Knyvet Wilson, *Anglo-Muhammadan Law: A Digest* (London: W. Thacker. 1912).

⁵⁰ [1948] MLJ 155.

bahawa mahkamah perlu menggunakan rujukan tertentu sebagaimana peruntukan Ordinan tahun 1880 (Pindaan 1926 dan 1934) supaya keselarasan pentadbiran undang-undang dapat dilaksanakan secara konsisten.

Pada hari ini, penggunaan kuasa autokrasi ini berterusan di mana punca kuasa utama yang mengawal pentadbiran undang-undang di negara ini iaitu Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan ruang untuk penyeragaman undang-undang Islam. Walaupun bidangkuasa mengenai hal ehwal agama adalah di bawah bidangkuasa negeri,⁵¹ dan Raja atau Sultan adalah ketua agama Islam bagi setiap negeri, manakala Yang DiPertuan Agong bagi negeri yang tiada Raja,⁵² namun Kerajaan Persekutuan masih mempunyai bidangkuasa untuk melakukan penyeragaman undang-undang negeri, tertakluk kepada penerimaan dan persetujuan Raja atau Tuanku al-Sultan sebagai Ketua Agama Islam setiap negeri.⁵³

Menurut Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri termasuk undang-undang Islam bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri atau lebih. Undang-undang yang dibuat ini akan dikenakan kepada orang-orang Islam di sesuatu negeri dan apabila diterima dengan suatu undang-undang yang diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri. Selepas itu, undang-undang ini hendaklah disifatkan sebagai

⁵¹ Jadual Kesembilan Senarai 2 (Negeri), Perlembagaan Persekutuan.

⁵² Lihat Undang-undang Tubuh Negeri masing-masing. Tun Salleh Abbas menyatakan, "...the sultans in each of their respective states were the heads not only of the religion of Islam but also as the political leaders in their states, which were Islamic in the true sense of the word....". Lihat Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor, *Malayan Law Journal* 2 (1988), 54-59.

⁵³ Perkara 3(2), 3(3) dan 3(5), Perlembagaan Persekutuan.

undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri.⁵⁴

Bagi menguruskan bidangkuasa agama di peringkat Persekutuan, badan yang mempunyai autoriti ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertanggungjawab memajukan pelaksanaan hukum Islam di Malaysia. Dalam hal ini, JAKIM mempunyai beberapa tanggungjawab iaitu:⁵⁵

- i. Tanggungjawab untuk menyelaras dan melaksana arahan Majlis Raja-Raja mengenai urusan agama Islam melalui Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI);
- ii. Tanggungjawab untuk menyelaras dan menyeragam undang-undang Islam seluruh Malaysia;
- iii. Tanggungjawab untuk menggubal akta dan undang-undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- iv. Tanggungjawab untuk menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang syarak negeri-negeri; dan,
- v. Tanggungjawab untuk menyelaraskan fatwa dan pematuhan pelaksanaannya.

Berasas tanggungjawab-tanggungjawab ini, JAKIM bertugas untuk menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri.

Jelasnya, Kerajaan Persekutuan amat mementingkan penyeragaman undang-undang dalam penggubalannya di negeri-negeri di Malaysia. Justeru, Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah utama dalam memastikan undang-undang yang digubal adalah selari antara sebuah negeri dengan yang lain, dan antara sebuah negara dengan negara Islam yang lain. Langkah yang dibuat adalah:

⁵⁴ Perkara 76 (3), Perlembagaan Persekutuan.

⁵⁵ Jakim, *Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil* (1988-2011) (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011), 17, 22 dan 27.

- i. Mencontohi rangka undang-undang dari luar negara seperti draf undang-undang keterangan Islam berdasarkan cadangan Hakim Tanzilur Rahman, Majlis Ideologi Islam Pakistan dan *Qanun Shahadat Pakistan*.⁵⁶
- ii. Mewujudkan model undang-undang Syariah yang eksklusif supaya boleh diikuti oleh semua negeri di Malaysia.

Misalnya dalam mewujudkan sebuah model Undang-undang Keluarga Islam, satu jawatankuasa telah dibentuk bagi menggubal draf awal undang-undang ini sebelum dihantar untuk disahkan oleh Majlis Raja-Raja. Apabila Majlis Raja-Raja telah bersetuju, draf ini telah dihantar kepada setiap negeri supaya dapat dibentang melalui Dewan Undang Negeri masing-masing. Jika semua negeri dapat menerima tanpa pindaan, maka akan terhasilah sebuah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang seragam antara sebuah negeri dengan negeri yang lain.⁵⁷

Penggubalan undang-undang di peringkat negeri yang mengikuti model Persekutuan dapat menghasilkan keseragaman peruntukan mengenai sesuatu hak, tanggungjawab, beban pembuktian, bentuk kesalahan dan hukuman. Dalam melaksanakan tugas ini, JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil pada tahun 1988 yang terletak di bawah Pejabat Penasihat Undang-undang.⁵⁸ Keanggotaannya ialah para Mufti negeri, Penasihat Undang-undang negeri, Ketua Hakim Syarie negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam negeri dan Setiausaha atau Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam negeri, dengan pengurusnya ialah

⁵⁶ Abdul Monir Yaacob, "Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian", *Jurnal Fiqh* 13 (2009), 13.

⁵⁷ *Ibid.*, 7-8.

⁵⁸ Ditubuhkan pada pertengahan tahun 1988. Abdul Monir Yaacob, "Pelaksanaan Perundangan Islam," 15.

Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Di antara tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji undang-undang yang sedang dipakai oleh Mahkamah Syariah dan menyediakan undang-undang baru yang lebih kemas dan lengkap di samping mengemaskininya. Keadaan ini bukan sahaja untuk penyeragaman tetapi juga memudahkan pihak berkuasa negeri seperti Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti, Pendakwaraya, Pegawai Penguatkuasa dan sebagainya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ini kerana sebahagian besar daripada mereka adalah 'Pegawai Gunasama' yang mungkin ditugaskan di mana-mana negeri di Malaysia ini di bawah jabatan yang sama.

Bagi tujuan keselarasan ini, peruntukan undang-undang Islam di Malaysia menggariskan bahawa rujukan kepada pandangan mazhab dalam pentadbiran undang-undang adalah mengutamakan mazhab Syafi'i berdasarkan peruntukan *qawl mu'tamad* menerusi enakmen pentadbiran agama setiap negeri⁵⁹ dan juga berdasarkan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 9/2001. Dalam erti kata lain, rujukan kepada sebarang keputusan, hukum dan pendirian agama adalah dengan memberi fokus terlebih dahulu kepada pandangan mazhab Syafi'i.⁶⁰ Sekiranya tiada pandangan dalam persoalan yang dirujuk itu atau tidak sesuai dengan keadaan semasa dan kepentingan umum maka barulah pandangan daripada mazhab yang lain diambil pertimbangan.

Hakikatnya, bukan setakat cadangan undang-undang baru, jawatankuasa ini juga boleh mencadangkan supaya

⁵⁹ Sebagai contoh Seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka Bil. 7 Tahun 2002.

⁶⁰ Azizan Abdul Razak, *Conflict Resolution*, 80.

dilakukan pindaan kepada undang-undang yang terpakai.⁶¹ Kebanyakan negeri menerima baik draf cadangan dan usaha penyeragaman undang-undang ini mendapat maklum balas yang positif.⁶² Jelasnya, perkembangan isu dan persoalan undang-undang syariah di sesebuah negeri sentiasa dipantau di peringkat Persekutuan. Negeri hendaklah sentiasa mengambil maklum dan melakukan pindaan ke atas peruntukan enakmen masing-masing sekiranya ketinggalan dalam sesetengah perkara. Dalam hal ini, penambahbaikan dan kemas kini undang-undang yang dilakukan hendaklah mencontohi model negeri yang lain. Ini akan mewujudkan keselarasan peruntukan dari semasa ke semasa. Misalnya, menggubal peruntukan yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah bahawa antara bidangkuasa mal Mahkamah Syariah ialah mengisyiharkan bahawa seseorang yang telah mati itu adalah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya.⁶³

Cuma yang menjadi persoalan ialah tidak semua negeri mengikuti model dan draf yang dicadangkan Persekutuan. Ini kerana sebagaimana dinyatakan pada awal tadi bahawa kuasa negeri adalah terletak pada Pihak Berkuasa Negeri yang diketuai oleh Raja atau Tuanku al-Sultan bagi negeri masing-masing. Terdapat beberapa peruntukan dari Persekutuan yang tidak diikuti seperti peruntukan undang-undang kawalan penyebaran agama bukan Islam ke atas umat Islam. Hanya sebahagian negeri yang memasukkan peruntukan ini dalam enakmen masing-

⁶¹ Jawatankuasa pernah mencadang agar Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1984 dipinda agar perintah penahanan boleh dilakukan ke atas pesalah syariah.

⁶² Abdul Monir Yaacob, "Pelaksanaan Perundangan Islam," 16

⁶³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003 iaitu Seksyen 61(3)(b)(xi) yang menjadi isu dalam Kes Lim Chan Seng lawan Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, CLJ 3 (1996): 231.

masing seperti di Selangor tetapi tiada dilakukan di Wilayah Persekutuan.⁶⁴

Keadaan ini menimbulkan perbezaan pelaksanaan undang-undang untuk pentadbiran dan kehakiman. Ini kerana jika ia tidak digubal maka tiada pelaksanaan boleh dijalankan sebagaimana kenyataan Y.A Hakim Abdul Hamid Muhamad dalam kes *Lim Chan Seng lawan Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (1996)*,⁶⁵ yang menyatakan bahawa untuk memberi bidangkuasa itu kepada Mahkamah Syariah, Badan Perundangan Negeri hendaklah membuat undang-undang mengenainya. Dalam kes ini, Badan Perundangan Negeri perlu menggubal undang-undang yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah dan kemudian barulah Mahkamah Syariah mempunyai kuasa dan dapat menjalankan bidangkuasa tersebut.

Manakala di negeri Perlis, perbezaan peruntukan mengenai rujukan mazhab dalam Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 telah menyebabkan berlaku ketidakseragaman keputusan hukum syarak. Seksyen 7 tersebut memperuntukkan bahawa Majlis atau Jawatankuasa Syariah ketika mengeluarkan fatwa hendaklah mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.⁶⁶ Peruntukan yang umum ini menyebabkan berlakunya perbezaan keputusan fatwa di antara Negeri Perlis dengan negeri-negeri lain dalam beberapa isu seperti penguatkuasaan pencegahan maksiat, hak waris

⁶⁴ Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam." Lihat Abdul Monir Yaacob, "Pelaksanaan Perundangan Islam," 14.

⁶⁵ CLJ 3 (1996): 231.

⁶⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 Tahun 1964.

dhū arḥām dan kedudukan ‘bin’ kepada anak luar nikah.⁶⁷ Kedudukan ini telah menyebabkan usaha ke arah penyeragaman undang-undang Islam di negara ini mengalami sedikit kekangan kerana perbezaan autoriti kuasa dalam pentadbiran hukum syarak.

Jelasnya, perbezaan utama adalah berpunca daripada undang-undang substantif yang mengawal pentadbiran undang-undang tersebut. Kewujudan undang-undang bertulis yang khusus dapat mengawal daripada melakukan rujukan yang *rigid* ke atas mazhab Syafi‘i semata-mata atau memutuskan pandangan dalam kerangka yang terlalu bebas daripada pandangan yang ada. Langkah penggubalan undang-undang sebagaimana pemikiran ‘Abd Allāh ibn al-Muqaffa’ adalah menjimatkan masa seseorang hakim atau mufti dalam melakukan rujukan kepada beberapa pandangan ulama, melakukan *tarjīh* yang seragam dan mencapai kesepakatan dalam pentadbiran undang-undang. Paling tidak, sesuatu keputusan itu telah melalui proses pertimbangan yang rapi dalam kalangan cendekiawan dengan mengambil kira kepentingan semasa dan *maqāṣid al-shar‘iyyah* yang melangkaui sempadan mazhab.

Kesimpulan

Pemikiran epistemologi ilmu ‘Abd Allāh ibn al-Muqaffa’ mengenai penyeragaman undang-undang Islam masih berlandaskan al-Quran dan hadis, cuma menggabungkan dengan rujukan *al-maṣālih al-mursalah* dalam menggubal hukum fekah ke dalam bentuk kod undang-undang yang konsisten dan seragam. Pemikiran ini merupakan satu idea yang berani dalam pentadbiran meskipun Islam meraikan perbezaan pandangan antara mujtahid dalam sesuatu pandangan fekah. Pandangan ‘Abd Allāh ibn al-Muqaffa’ ini merupakan yang terawal dalam kerangka pentadbiran

⁶⁷ Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, Himpunan Fatwa 1999, (Perlis: Jabatan Mufti Negeri Perlis, 1999).

hukum Islam yang bersifat autokratik. Lebih-lebih lagi pandangan ini dimajukan ketika zaman perkembangan ijtihad dan kelahiran pelbagai mazhab fekah semasa pada tahun ke-100 Hijrah dahulu.

Walaupun langkah ini tidak mendapat persetujuan tokoh utama mazhab seperti Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik, namun ia telah mendapat maklumbalas yang positif daripada Khalifah Abū Ja`far al-Manṣūr yang memerintah pada waktu itu. Ini kerana penguatkuasaan hukum syarak yang adil akan mengalami kesukaran dalam negara yang mengandungi pelbagai ikutan mazhab sekiranya keseragaman pandangan tidak disatukan.

Ketepatan peruntukan (*tarjīh*) sangat penting dalam pentadbiran undang-undang negara bagi memastikan pelaksanaan hukum syarak dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama. Ini kerana ilmu itu adalah bersifat neutral dan sejagat dan ia tidak berpihak kepada mana-mana golongan atau mazhab. Justeru, pemikiran ke atas keseragaman ilmu dan penguatkuasaan yang konsisten dapat memastikan keadilan syarak dalam menghukum serta menyumbang kepada kestabilan politik dalam negara. Ini mengelak daripada perpecahan antara umat menjadi semakin besar dan perbezaan pandangan (*khilafiyah*) dapat diraikan dalam konteks yang lebih harmoni misalnya melibatkan pihak yang bertelingkah daripada mazhab yang sama.

Maka atas prinsip ini, pemikiran ke arah penyeragaman undang-undang syariah mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan. Peruntukan khusus dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan ini. Namun halangan masih berlaku di peringkat negeri apabila hasrat murni Persekutuan ini tidak mendapat respon yang positif daripada beberapa negeri dalam beberapa isu penggubalan undang-undang. Sehingga draf undang-undang yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Hukum Syarak di peringkat Persekutuan masih ada yang belum

dibentangkan di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Justeru, suatu kerjasama yang utuh diperlukan bagi mencapai matlamat utama di sebalik penyeragaman undang-undang ini agar proses pelaksanaan dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dapat berjalan dengan baik dan sempurna.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. "Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian," *Jurnal Fiqh* 6 (2009).
- Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. "Penyelidikan sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah." Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1997.
- Al-Anbarī, `Abd al-Razzāq `Alī. *Mansib Qādī al-Qudāh fi al-Dawlah al-`Abbasiyyah*. Beirut: al-Dār al-`Arabiyyah li al-Mawsū`ah, 1987.
- Anderson, J. N. D. "Recent Reforms in the Islamic Law of Inheritance," *The International and Comparative Law Quarterly* 14 (1965).
- Anderson, Norman. *Law Reform in the Muslim World*. University of London: The Athlone Press, 1976.
- An-Na'im, Abdullahi A. *Islamic Family Law in A Changing World: A Global Resource Book*. London-New York: Zed Books Limited, 2002.
- Arabi, Oussama. *Studies in Modern Islamic Law and Jurisprudence*. The Hague-London-New York: Kluwer Law International, 2001.
- Arjomand, S. A., "Abd Allah ibn al-Muqaffa` and the Abbasid Revolution," *Iranian Studies* 27 (1994).
- Arjomand, Said Amir. "Abd Allah ibn al-Muqaffa` and the 'Abbasid Revolution," *Iranian Studies* 27 (1994).
- Azizan Abdul Razak. "Conflict Resolution: Reasonal Laws System, Civil Law System and Muslim School of Law (*Madhahib*).” Dalam *Shariah Administrators' Conference Workshop*. Manila: University of the Philippines Press, 1983.

- Brown, B. J. "Justice and the Adat Perpateh: Law or Lore?" Dalam *Papers on Malayan History*, ed. K. G. Tregonning. Singapore: Journal South-East Asian History, 1962.
- Coulson, N. J. *A History of Islamic Law*. Edinburgh: The University Press, 1964.
- Darling, Linda T. "East Meets West: In the Middle Ages and Early Modern Time." Makalah, 10th International Symposium on Medieval and Early Modern Studies, University of Arizona, 3–6 Mei 2012.
- Darling, Linda T. "Mirrors for Princes in Europe and the Middle East: A Case of Historiographical Incommensurability." Makalah, The Conferences of Well-Connected Domains: Intersections of Asia and Europe in the Ottoman Empire, Heidelberg University, Heidelberg, Germany, 10–12 Nov., 2011.
- Demirci, Mustafa. "An Eye Witness Account of Transition from Umayyads to Abbasids: Abdullah ibn al-Mukka and His Risaletus' Sahabe," *D.E.U. İlahiyat Fakultesi Dergisi*, XXI (2005).
- Espesito, John L. "Law in Islam." Dalam *The Islamic Impact*, ed. Y. Haddad *et. al.* New York: The Syracuse University Press, 1984.
- Gabrieli, F. "Ibn al-Mukaffa." Dalam *Encyclopaedia of Islam*, j. 3. Leiden: Brill, 2004.
- Grube, Ernst J. *A Mirror for Princes from India: Illustrated Versions of the Kalilah wa Dimnah*, ed. Anvar-i Suhayli, Iyar-i Danish dan Humayun Nameh. Bombay: Marg Publications, 1991.
- Hasan, Hasan Ibrahim. "Judiciary System from the Rise of Islam to 567 A.H. (1171M)", *The Islamic Quarterly* VII (1963).
- Hassan Salleh. *Sejarah Perundangan Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1979.

- Al-Hifnawi, `Abd al-Majid Muḥammad. *Tārīkh al-Qanūn al-Misri*. Alexandria: Muassasat al-Thaqafat al-Jam`iyyah, 1972-73.
- Ibn al-Muqaffa', `Abd Allāh. *Ahd Ardashīr*, ed. İhsān `Abbās. Beirut: Dār Ṣāder, 1967.
- Ibn al-Muqaffa', `Abd Allāh. "Al-Adāb al-Kabīr." Dalam *Rasā'il al-Bulaghā'*, ed. Muḥammad Kurd `Alī. Kaherah: Dār al-Kutub al-`Arabiyyah al-Kubrā, 1913.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (1988-2011)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.
- Johansen, Baber. *Contingency in a Sacred Law: Legal and Ethical Norms in the Muslim Fiqh*. Leiden: Brill, 1999.
- Johns, A. H. "From Coastal Settlement to Islamic School and City: Islamization in Sumatras, The Malay Peninsula and Java," *Hamdard Islamicus* 4 (1981).
- Jumad, `Abd al-Jabbār. *Harūn al-Rashīd Dirāsah Tarīkhīyyah Ijtīmā'iyyah*. Beirut: Maktabat al-`Umumiyyat, 1956.
- Kempe, John E. dan Winstedt, R. O. *A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1947.
- Kharūfah, `Ala' al-Dīn. *Sharḥ Qanūn al-Ahwāl al-Shakhṣīyyah (188)* 1959. Bagdad: Matba`at al-`Ani, 1962.
- Al-Kindī, Abī `Umar Muḥammad bin Yūsuf bin Ya`qūb. *Kitāb al-Quḍāh al-Lazīna wallaw Qaḍā' Miṣr*, ed. Richard G. H. Gottheil. London: Luzac & Co., 1908.
- Liebesny, Herbert J. *The Law of the Near and Middle East – Readings, Cases and Materials*. Albany: State University of New York Press, 1975.
- Lowry, Joseph E. "The First Islamic Legal Theory: Ibn al-Muqaffa' on Interpretation, Authority and the Structure

- of the Law," *The Journal of the American Oriental Society* 1 (2008).
- Machiavelli, Niccolò. *The Prince*, ed. W. K. Marriott. Virginia: Virginia Tech, 2001.
- Mahmood, Tahir. *Family Law Reform in the Muslim World*. Bombay: N. M. Tripathi PVT. Ltd., 1972.
- Mahmood, Tahir. *Personal Law in Islamic Country*. New Delhi: Academy of Law and Religion, 1987.
- Mūsā, Muhammad Yūsuf. *Madkhal li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: t.p., 1958.
- Ostrorog, Count Leon. *The Angora Reform*. London: University of London Press Ltd., 1927.
- Pearl, David dan Menski, Werner. *Muslim Family Law*. London: Sweet & Maxwell Limited, 1998.
- Schacht, Joseph. "Foreign Elements in Ancient Islamic Law." Dalam *Islamic Law and Legal Theory*, ed. Ian Edge. England: Dartmouth Publishing Company Ltd., 1996.
- Schacht, Joseph. "Modernism and Traditionalism in a History of Islamic Law," *Middle Eastern Studies* 1 (1965).
- Schacht, Joseph. *An Introduction of Islamic Law*. Oxford: Clarendon Press, 1964.
- Schacht, Joseph. *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Oxford: The Clarendon Press, 1950.
- Shahibuddin Laming. *Pemikiran Al-Kindi: Pengaruh Terhadap Intelektual Muslim di Malaysia dan Indonesia*. Kuala Lumpur: DBP, 2006.
- Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān. *Al-Ashbah wa al-Naṣā'ir*. Beirut: Dār al-Fikr, 1996.
- Wilson, Roland Knyvet. *Anglo-Muhammadan Law: A Digest*. London: W. Thacker, 1912.
- Yegar, Moshe. *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University, 1979.